Utusan Borneo: 18.11.2026

Wanita didenda RM2,700 gara-gara berjudi dalam talian

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM2,700 atau dua bulan penjara sekiranya gagal membayar denda terhadap seorang wanita berusia 22 tahun yang bermain judi dalam talian di tempat awam, minggu lepas.

Nur Najwa Syahieyra Ali yang dituduh mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, mengaku bersalah melakukan kesalahan itu sekitar jam 1.20 petang pada 10 November 2026, di sebuah kedai makan di Jalan Gold Jade di sini.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, polis menjalankan intipan selama kira-kira 15 minit di kedai berkenaan semasa Ops Dadu sebelum membuat serbuan, tangkapan dan rampasan kerana disyaki terdapat kegiatan perjudian dalam talian.

Polis menangkap Nur Najwa di lokasi kejadian, selain merampas sebuah telefon bimbit dan sekeping keratan kertas tertulis nombor serta huruf disyaki kata laluan untuk mengakses sistem judi dalam talian daripadanya.

Hasil siasatan seterusnya mendapati Nur Najwa ditangkap ketika serbuan dilakukan susulan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Pakar judi turut mengesahkan telefon bimbit yang diserahkan sendiri oleh Nur Najwa semasa tangkapan mengandungi unsur perjudian.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Abdurrahman Abrar Jarni di hadapan Majistret Leona Dominic Mojiliu.